

## **BANTUAN IPT TAHFIZ AL-QURAN**

### **OBJEKTIF**

Membantu meringankan beban kewangan para pelajar Islam yang mendapat tawaran melanjutkan pelajaran dalam bidang tahfiz diperingkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dimana-mana Institut Pengajian Tinggi atau pusat pengajian di dalam negara Malaysia.

### **Definisi:**

1. Bantuan IPT Tahfiz Al-Quran disini merujuk kepada tahap pengajian tinggi pada peringkat diploma dan ke atas.
2. Tahfiz merujuk kepada pelajar yang majoriti pengajiannya adalah hafalan Al-Quran.

### **KEKERAPAN**

Kelayakan kekerapan:

1. Setiap tahun tertakluk kepada adanya permohonan.
2. Kekerapan permohonan berulang terhad kepada peringkat pengajian seperti berikut :-

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	MAKSIMUM
1	Pengajian peringkat Diploma	Maksimum 3 kali sahaja
2	Pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda	Maksimum 4 kali sahaja

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Telah mendapat surat tawaran untuk peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda atau disahkan masih menuntut di Institusi tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
3. Pemohon hendaklah menuntut di Institut Pengajian Tinggi atau Pusat Pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
4. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
5. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).
6. Bagi pemohon yang bekerja yang tidak menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan hendaklah mengemukakan surat rasmi daripada majikan.
7. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pendaftaran pengajian.

### **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)**

1. Dokumen asas.
2. Surat tawaran.
3. Surat pengesahan dari Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian.
4. Bagi permohonan berulang hendaklah menyertakan Slip Keputusan Peperiksaan terkini sebagai contoh tahun kedua (Keputusan semester 1 dan 2 atau 3) serta borang perakuan pelajar dari pusat pengajian menggunakan format yang disediakan.
5. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.